



PUTRA Science Park UPM membantu saintis membangunkan hasil penyelidikan mereka. - GAMBAR HIASAN.

InnoHub@UPM bantu usahawan ekono

KOMITMEN pentadbir UPM terhadap penggalakkan pengkomersilan hasil penyelidikan dizahirkan melalui pembangunan ekosistem kondusif iaitu terdapat pelbagai geran, dana, insentif, anugerah serta perkhidmatan sokongan untuk penghasilan dan pembangunan hasil penyelidikan, pemfailan harta intelek, promosi inovasi sehingga kepada peringkat pengkomersialan.

Putra Science Park (PSP) merupakan pusat yang bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti pemindahan teknologi di UPM bermula daripada pengurusan harta intelek, promosi sehinggalah ke pengkomersialan teknologi.

PSP terus konsisten dalam memastikan UPM sentiasa di hadapan dalam penghasilan hasil penyelidikan berimpak tinggi dan dapat diterjemahkan sebagai produk yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan industri.

Oleh kerana pelajar tunas potensi dan perlu digilap, UPM memastikan agar mereka dipupuk dan diberi kepercayaan bukan sahaja membawa produk hasil kajian mereka ke tengah, bahkan membangunkan perniagaan berasaskan inovasi dan teknologi yang mereka cipta bersama pensyarah.

Usaha tersebut dilaksanakan menerusi penubuhan syarikat

permulaan (*start-up*) menerusi program InnoHub@UPM melibatkan graduan atau pelajar pasca siswazah dilatih untuk menjadi ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat bagi mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka dengan bimbingan teknikal daripada penyelidik.

Ini merupakan

penambahan nilai kepada pengkomersialan produk penyelidikan universiti dengan menerusi program *technoventure* dengan menghasilkan model perniagaan yang mampan.

Selain itu, menerusi program ini, ia juga menyumbangkan kepada pembangunan modal insane dengan melahirkan lebih 50 orang *techpreneur* atau usahawan teknologi yang mampu menerajui perniagaan.

Naib Canselor UPM **Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Aini Ideris** berkata, semenjak program InnoHub dilaksanakan, bilangan pemindahan teknologi di universiti berkenaan dapat ditingkatkan sehingga dua kali ganda.

“Bagi mereka dalam bidang pemindahan teknologi, kesukaran untuk menjayakan pemindahan teknologi memang diketahui dan peningkatan dua kali ganda adalah peningkatan yang sebenarnya luar biasa. Kita juga berjaya mencapai sasaran produk dikomersialkan, iaitu produk yang benar-benar

mencapai sasaran pengeluaran pada kala komersial dan dapat dimanfaatkan oleh jumlah yang besar dalam kalangan pengguna”ujarnya.

Peranan InnoHub@UPM

- CEO syarikat dan penyelidik dibimbing untuk mengenal pasti potensi perniagaan bagi produk penyelidikan yang telah dihasilkan.

- Program adalah komprehensif, merangkumi kajian validasi pasaran, pembangunan canvas perniagaan

- Paling penting sesi *pitching* kepada pemberi dana atau pelabur berpotensi agar perniagaan yang telah dibangunkan dapat direalisasikan.

- Sehingga kini, terdapat 52 buah syarikat *start-up* yang terdiri daripada pelbagai bidang dan terdapat projek-projek dalam InnoHub mencapai produksi dan jualan pada skala industri dengan jumlah himpunan modal hampir RM7.8 juta.

- Syarikat berkenaan menyumbang kepada pendapatan perlesenan kepada UPM melebihi RM700,000.

- Modal tersebut adalah dana yang diperoleh daripada agensi-agensi yang yakin dengan potensi kejayaan teknologi UPM.

- Antara agensi yang terlibat adalah Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd., Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dan Cradle Fund Sdn. Bhd.



DR. AINI IDERIS